

Tunku: Jangan lupakan pengajaran dari peristiwa yang lampau

KANGAR, Isnin — Persepsi perkauman di negara ini tidak akan mendatangkan keuntungan kepada siapa pun, sebaliknya semua akan kerugian, kata Tunku Abdul Rahman Al-haj.

Katanya, peristiwa yang lampau memberi pengajaran bahawa rakyat yang tidak berdosa telah menjadi korban.

Bellau mengingatkan demikian dalam ceramah megenal "Kepentingan perpaduan dalam masyarakat Malaysia" di Simposium Perpaduan anjuran Ma-

jlis Perhubungan Masyarakat Kangar di Dewan Sivik Jabatan Penyerangan di sini hari ini.

Tunku berkata, setiap rakyat hendaklah sedar akan tanggungjawab untuk menjaga perpaduan antara satu sama lain supaya pergaduhan antara kaum tidak berlaku.

K a t a n y a , kemerdekaan yang dinikmati sekarang harus dijaga supaya semua rakyat dapat hidup dengan aman dan saling mengerti kerana keamanan tidak boleh kekal kecuali rakyat

berperasaan muhibbah.

Tunku berkata, cadangan mewujudkan satu parti saja sebagai langkah mewujudkan perpaduan tidak mungkin akan berjaya.

Ini kerana setiap kaum dalam parti itu sudah tentu akan menimbulkan hasrat masing-masing dan dengan itu parti itu tidak dapat memenuhi kehendak semua ahli-ahlinya, kata bellau.

Cara yang ada sekarang, menurut bellau, memang baik kerana melalui parti-parti seperti UMNO, MCA dan MIC, mereka dapat menyatukan kaum masing-masing untuk mencari kemajuan bersama.

Tunku berkata, ada parti Melayu bukan UMNO sangat suka membawa dakyah supaya orang Melayu jangan bercampur gaul dengan orang lain.

Katanya, tidak dapat dinafikan orang bukan Melayu juga mempunyai hak yang sama dengan orang-orang Melayu di negara ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia